

ERIKO (dua dari kanan) menghidangkan sushi kepada suami dan anak-anaknya pada pagi Syawal baru-baru ini.

# Pilih untuk beraya secara sederhana

Golongan ekspatriat teruja dan seronok menyambut lebaran di negara ini yang penuh dengan kemeriahian.

**O**RANG Malaysia tinggal di rimba. Itulah bayangan yang bermain-main dalam fikiran wanita Jepun, Eriko Mariam Motoyama, 49, tatkala suaminya, Abd Razak Baharom, 54, mengajak beliau berhijrah ke Malaysia kira-kira 19 tahun lalu.

Beg pakaian yang dibawa dipenuhi baju-T dan seluar yang dirasakan sesuai untuk memudahkan pergerakannya di persekitaran rimba. Namun, pandangannya berubah 360 derjah sebab sahaja melangkah kaki ke negara ini.

Seusai itu terjadi gara-gara buku rujukan berkaitan Malaysia yang dibelinya ketika menetap di Amerika Syarikat (AS) hanya berkisar mengenai hutan di Kepulauan Borneo.

Wanita yang lincah berbicara dalam dialek bahasa Inggeris AS itu tidak langsung kedengaran bertutur dalam pelat Jepun, malah boleh berbahasa Malaysia.

Eriko mengaku bawah dia kini semakin sebat dengan gaya hidup rakyat Malaysia.

Di sana yang ditemui di kediannya di Bukit Antarabangsa, Selangor, baru-baru ini menceritakan keterujaannya menyambut lebaran bersama suami dan anak-anak di bumi bertuah ini.

"Ikatan kekeluargaan menjadi semakin erat pada Hari Raya Aidilfitri



Oleh NADIA SHAIFUL BAHARI  
nadia.bahari@cs.com.my

kerana ketika itulah semua anggota keluarga yang jauh dan dekat dapat berkumpul dan bertanya khabar.

Kemesraan ini agak berbeza daripada amalan masyarakat di Jepun. Ikatan kekeluargaan di sana tidak serap penduduk di negara ini," katanya yang dilahirkan di Pulau Kagoshima, Jepun.

Wanita yang mempunyai tiga anak perempuan iaitu Norlina, 20; Nadia, 17, dan Nur Elisa, 15, itu merupakan Pengarah Program di sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memerhati pergerakan cerun di negara ini.

## Hidangan sushi

Darah Jepun yang mengalir dalam dirinya masih menebal dan jelas kelihatan melalui hidangan sushi yang disediakan bersama juadah-juadah. enak lain pada pagi raya.

Pengalaman balik ke kampung suami di Johor Bahru, Johor pada musim perayaan juga dianggap antara kenangan manis sepanjang hidupnya di Malaysia.

Mereka sekeluarga sering berkonvoi



KEMERIAHAN kanak-kanak Malaysia menyambut Hari Raya Aidilfitri di Amerika Syarikat.

bersama saudara-mara lain dan menjadi satu kemestian untuk singgah di gerai durian dan ikan bakar di negeri tersebut sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, sejak nenek suaminya meninggal dunia, mereka hanya menyambut lebaran di sekitar Lembah Klang.

## Beraya di Raub

Pensyarah Penyelidik Institut Pengajian Sains Sosial (Ipsas) di Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Steven Eric Krauss atau nama Islamnya Abdul Lateef Abdullah, 41, memberitahu, beliau, sudah 12 tahun menyambut lebaran di Malaysia sejak berpindah ke negara ini.

Setiap tahun sambutan itu dirakan di kampung isterinya di Raub, Pahang.

"Kami sekeluarga akan berkumpul

beramai-ramai dan memasak hidangan seperti kuah kacang, rendang dan lemang pada malam raya.

"Seperti Muslim yang lain, saya tidak terkecuali membeli kopiah dan baju Melayu baharu untuk menyambut Syawal. Tetapi tumpuan persiapan dilebihkan kepada anak-anak," ujarnya yang mempunyai dua orang cahaya mata iaitu Mariam, 11, dan Adam, 7.

Tambahnya, pengalaman beraya yang tidak dapat dilupakan adalah pada lebaran tahun lalu. Seramai 30



ERIKO

NADIA menyiapkan sushi kepada neneknya, Emon Ibrahim, 75, sambil diperhatikan oleh Abdul Razak, Eriko dan Nur Elisa.



TERSELALU kemesraan Eriko yang dipeluk oleh Nadia (kiri) dan Nur Elisa.



ERIKO membentulkan dirang baju Melayu yang baik-baik puninya supaya sehat dan cantik.